

# UMS tuan rumah konvensyen MUNCH 2019 kali pertama

UB 8.8.2019 6

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi tuan rumah bagi 1st Malaysian Universities National Convention (MUNCH) 2019 buat julung kalinya yang diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS.

Konvensyen yang berlangsung selama dua hari itu menghimpunkan lebih 140 peserta yang mewakili Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bagi 20 universiti awam di Malaysia, selain penyertaan wakil daripada hospital dan agensi swasta.

Naib Canselor UMS Profesor Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, konvensyen itu diharapkan dapat mengumpul dan menyebarkan maklumat berkaitan bidang kesihatan secara optimum agar dapat memanfaatkan peserta dan PKU yang diwakili.

“Penyebaran pengetahuan berkaitan isu-isu semasa dalam bidang kesihatan khususnya di universiti awam akan disusun semula oleh ahli profesional yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing bagi manfaat kepada kampus universiti secara keseluruhannya.

“Kemajuan dalam penyediaan penjagaan kesihatan di



**UNTUK ALBUM:** Ramzah merakam gambar bersama para peserta konvensyen.

universiti sering memerlukan perubahan minda, yakni minda inovatif yang sanggup memecahkan halangan yang menyekat kemajuan tidak kira sama ada anda ahli akademik atau penyedia penjagaan kesihatan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian konvensyen itu yang disampaikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Madya Ts Dr Ramzah Dambul di Auditorium FPSK.

Justeru, menurut Taufiq, penganjuran konvensyen itu adalah tepat pada masanya dalam membantu memfokuskan dan menyusun semula objektif bagi memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan mengekalkan kesihatan optimum bagi semua warga universiti.

“Dengan menggabungkan usaha pelbagai disiplin daripada universiti yang berlainan, kita dapat belajar daripada pengalaman dan pencapaian masing-masing

serta meningkatkan standard dan kualiti penjagaan kesihatan kepada warga universiti,” ujar beliau.

Hadir sama pada majlis itu, Dekan FPSK Profesor Dr Mohammad Saffree Jeffree, Ketua Pegawai Eksekutif Hospital UMS Profesor Dr Helen Benedict Lasimbang, Pengerusi Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia Profesor Dr Durrishah Idrus dan pengerusi penganjur Profesor Madya Dr Mohd Nazri Mohd Daud.